

## KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA JANUARI 2025

#### Jualan sektor Pembuatan mencecah RM158.1 bilion pada Januari 2025; tumbuh 3.5 peratus

**PUTRAJAYA, 12 Mac 2025** - Nilai jualan sektor Pembuatan pada Januari 2025 meningkat 3.5 peratus (Disember 2024: 5.7%), berjumlah RM158.1 bilion. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Perangkaan Pembuatan Bulanan, Malaysia, Januari 2025** pada hari ini.

Mengulas prestasi jualan Pembuatan terkini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Peningkatan nilai jualan sektor Pembuatan disokong terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau yang merekodkan pertumbuhan kukuh 10.6 peratus pada Januari 2025 (Disember 2024: 14.6%). Ini diikuti dengan subsektor Peralatan elektrik & elektronik dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam, masing-masing pada 7.3 peratus (Disember 2024: 8.7%) dan 2.1 peratus (Disember 2024: 3.2%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, nilai jualan menguncup sedikit sebanyak 0.2 peratus kepada RM158.1 bilion berbanding RM158.4 bilion yang direkodkan pada Disember 2024."

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang mewakili 70.2 peratus daripada jumlah jualan, berkembang 5.1 peratus pada Januari 2025 (Disember 2024: 7.1%). Pengembangan tersebut berkait rapat dengan peningkatan dalam Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan sebanyak 11.1 peratus (Disember 2024: 17.0%). Selain itu, Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal turut meningkat sebanyak 7.7 peratus (Disember 2024: 9.4%), sementara Pembuatan produk getah bertumbuh 8.9 peratus (Disember 2024: 10.7%).

Begini juga, industri berorientasikan domestik meningkat sedikit sebanyak 0.1 peratus pada Januari 2025 setelah mencatatkan kenaikan 2.5 peratus pada Disember 2024.

Prestasi ini disebabkan oleh penyusutan tahun ke tahun dalam Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler (-17.6%). Walaubagaimana pun, ini diimbangi dengan Pembuatan produk pemprosesan makanan yang mengekalkan pertumbuhan dua angka pada 10.4 peratus (Disember 2024: 11.2%); Pembuatan produk logam kecuali mesin & kelengkapan (3.1%); dan Pembuatan minuman (9.1%). Perbandingan bulan ke bulan, kedua-dua industri berorientasikan eksport dan domestik jatuh 0.2 peratus.

Mengulas mengenai bilangan pekerja, Ketua Perangkawan menyatakan, "Seramai 2.39 juta orang terlibat dalam sektor ini pada Januari 2025, bertambah 0.9 peratus (Disember 2024: 1.0%). Pertambahan ini didorong terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (2.0%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.6%); dan Peralatan elektrik & elektronik (0.6%). Perbandingan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini berkurang 0.2 peratus.


Pada masa yang sama, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan peningkatan 1.5 peratus (Disember 2024: 1.7%), berjumlah RM8.5 bilion pada Januari 2025. Perbandingan bulan ke bulan, gaji & upah yang dibayar susut 4.6 peratus. Seterusnya, nilai jualan bagi setiap pekerja meningkat kepada RM66,011 (2.6%), manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja adalah RM3,540, meningkat 0.6 peratus tahun ke tahun."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 12 Mac 2025**


**Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Malaysia  
Januari 2024 - Januari 2025**




**Carta 2: Pertumbuhan Jualan Subsektor Pembuatan, Malaysia,  
Disember 2024 dan Januari 2025**



**Carta 3: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi Sektor Pembuatan, Malaysia, Januari 2024 – Januari 2025**



### **Carta 4: Pembuatan Berorientasikan Eksport dan Domestik Mengikut Kumpulan, Disember 2024 dan Januari 2025**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
12 MAC 2025**